

ANGKA GILIRAN: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Oktober 2000

HGA 101 - Pengantar Geografi

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI **ENAM** [6] SOALAN DI DALAM **TUJUH** [7] HALAMAN.

Jawab **ENAM** [6] soalan. **SEMUA** soalan daripada **BAHAGIAN A** dan **TIGA** [3] soalan dari **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A

1. i. Berikan contoh kepada jenis-jenis wilayah berikut:
 - a. Wilayah Total : _____

 - b. Wilayah Nodal : _____

 - c. Wilayah Seragam Satu Sifat : _____

[3 markah]

ii. Nyatakan sumbangan tokoh-tokoh berikut kepada bidang geografi:

a. Anaximander: _____

b. Al - Muqaddagi: _____

c. Al – Idrisi: _____

d. Friedrich Ratzel: _____

e. Paul Vidal de la Blache: _____

f. Griffith Taylor: _____

[12 markah]

2. Huraikan secara ringkas konsep-konsep berikut:

a. sistem terpencil:

[3 markah]

./3-

b. sistem morfologi: _____

[3 markah]

c. gelombang pancaran pendek:

[3 markah]

d. perubahan tenaga: _____

[3 markah]

3. Huraikan secara ringkas perkara-perkara berikut:

a. Perilaku ruangan: _____

[3 markah]

..4-

ANGKA GILIRAN: _____

b. Struktur ruangan: _____

[3 markah]

c. Model dalam Geografi: _____

[3 markah]


d. Lukiskan gambarajah proses pembentukan model di ruang muka surat 5:

[4 markah]

ANGKA GILIRAN: _____

- 5 -

[HGA 101]



..6-

BAHAGIAN B. Jawab **TIGA** (3) soalan.

4. **SAMA ADA**

- (a) Determinisme alam sekitar, posibilisme dan determinisme saintifik adalah konsep-konsep berkaitan dengan perhubungan manusia dengan alam sekitar. Bincangkan sejauhmana teknologi mempengaruhi penentuan sesuatu konsep itu.

[20 markah]

ATAU

- (b) Huraikan sejauhmana faktor-faktor kemanusiaan lebih penting dari faktor-faktor semulajadi dalam menentukan ciri-ciri sesuatu pandang darat.

[20 markah]

5. **SAMA ADA**

- (a) Berdasarkan contoh-contoh tertentu, bincangkan bagaimana alam sekitar mempengaruhi berbagai kegiatan manusia.

(20 markah)

ATAU

- (b) i. Huraikan “Pendekatan Sistem Dalam Geografi Fizikal”.

[5 markah]

- ii. Dengan menggunakan contoh-contoh dari tiga (3) sistem semula jadi, bincangkan bagaimana pendekatan ini dapat digunakan untuk mengkaji fenomena geografi.

[15 markah]

6. **SAMA ADA**

- (a) i. Jelaskan lima ciri umum model.

[5 markah]

- ii. Bincangkan bagaimana teori Weber dan teori Christaller menepati ciri-ciri model di atas.

[15 markah]

ATAU

- (b) Sebagai model klasik, teori Christaller dan teori Weber sukar dipadankan dengan struktur ruang masakini. Bincangkan faktor-faktor semasa yang tidak diambilkira oleh kedua-dua model ini dalam menjelaskan lokasi aktiviti ekonomi.

[20 markah]